

Rancangan Perpindahan Kuin Ke Kampus Kuala Ketil Jadi Keutamaan – Azizan Bernama
16 Julai, 2012

ALOR SETAR, 16 Julai (Bernama) -- Pemindahan Kolej Universiti Insaniah (Kuin) ke kampus baru di Kuala Ketil, Baling yang dijangka pada hujung tahun ini menjadi keutamaan kerajaan negeri buat masa ini kerana ia memerlukan perbelanjaan besar dan perancangan rapi.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata justeru ada beberapa perkara yang perlu ditangguhkan misalnya palarasan gaji kakitangan kolej itu sepertimana yang dinikmati kakitangan awam.

Beliau berkata sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta, Kuin sebenarnya tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan yang mewajibkan institusi itu mengikut arahan yang terkandung dalam pekeliling dikeluarkan kerajaan persekutuan.

"Kuin adalah institusi swasta yang ditubuhkan kerajaan negeri dan hanya mendapat bantuan subsidi sebanyak RM12 juta setahun, selain itu pendapatan Kuin bergantung kepada yuran pelajar," kata beliau kepada soalan tambahan Dr Leong Yong Kong (BN-Gurun) pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini Isnin.

Katanya, adalah menjadi perkara biasa apabila gaji kakitangan terpaksa ditangguhkan apabila yuran pelajar belum dijelaskan sepenuhnya kerana menunggu wang daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680903>

